

## Untuk Siaran Segera



### PR1MA KONGSI KEPAKARAN PENYEDIAAN KEDIAMAN MAMPU MILIK DENGAN AFRIKA

**KUALA LUMPUR, 6 OKTOBER** – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) yang merupakan agensi perumahan utama di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) baru-baru ini telah menerima lawatan rasmi daripada delegasi-delegasi dari benua Afrika.

Kunjungan yang turut disertai wakil-wakil daripada Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) ini adalah anjuran MATRADE bersama Kementerian Luar Negeri (KLN) di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (Malaysian Technical Cooperation Programme - MTCP) serta Japan International Cooperation Agency (JICA) bagi program “Third Country Training Programme 2023: Trade Promotion for African Countries” (TCTP 2023).

Menerusi lawatan ini, PR1MA amat berbesar hati berkongsi pandangan dan pengalaman operasinya dengan rakan-rakan antarabangsa dari Benua Afrika dalam pelaksanaan projek-projek kediaman mampu milik berkualiti. Selain itu, ia turut membuka ruang kepada kedua-dua pihak berkongsi pengetahuan berkenaan model perumahan mampu milik yang efektif, fasiliti pembiayaan perumahan, perancangan bandar, dan penggunaan teknologi dalam projek-projek perumahan.

PR1MA telah berkongsi maklumat tentang penyediaan 53,646 unit kediannya di seluruh negara, di mana projek-projek ini turut memberi penekanan kepada pembangunan komuniti daripada pelbagai aspek seperti kesejahteraan dan keselamatan, sosio-ekonomi dan pembangunan sosial para penduduknya.

Dalam sesi ini juga, para delegasi telah didedahkan dengan operasi penyediaan perkhidmatan internet berkelajuan tinggi serta pengurusan fasiliti berkualiti PR1MA melalui dua anak syarikatnya iaitu PR1MA Communications Sdn Bhd (PCSB) dan PR1MA Facilities Management Sdn Bhd (PFMSB). Penyediaan perkhidmatan ini adalah sebahagian daripada komitmen dan usaha PR1MA untuk memastikan rakyat Malaysia dapat tinggal dalam komuniti yang holistik dan memenuhi keperluan para pembeli.

Para delegasi dari negara-negara Afrika menyambut baik peluang untuk memahami amalan terbaik Malaysia dalam sektor perumahan dan melihat sendiri kejayaan PR1MA dalam menyediakan kediaman mampu milik yang berkualiti kepada rakyat.

Lawatan ini juga merupakan satu langkah positif dalam memperkuat hubungan PR1MA dengan rakan-rakan antarabangsa dalam sektor perumahan serta memberikan peluang untuk pertukaran pengetahuan dan teknologi inovatif dalam usaha bagi memperkasa sektor perumahan di Malaysia.

Untuk sebarang maklumat mengenai PR1MA, sila layari laman web PR1MA di [www.pr1ma.my](http://www.pr1ma.my) atau hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada hari umum di Negeri Selangor) atau emel kepada [info@pr1ma.my](mailto:info@pr1ma.my).

**-TAMAT-**

---

### **Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)**

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) iaitu salah sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012 dan bertanggungjawab di dalam pembangunan kediaman mampu milik berkualiti tinggi untuk rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA dibina dengan konsep holistik, iaitu turut memberi penekanan kepada pembangunan komuniti lestari.

Amalan mampan diguna pakai untuk membangunkan kediaman PR1MA, manakala konsep "Rumah Kita, Komuniti Kita" menekankan kehidupan masyarakat yang moden dan harmoni. PR1MA menggalakkan pengintegrasian nasional melalui program pembangunan komuniti dan keluarga berdasarkan lima (5) prinsip: Sihat, Saku, Sayang, Selamat dan Suasana. Tambahan juga, PR1MA membina ekosistem pemilikan rumah yang komprehensif buat rakyat Malaysia agar mereka dapat menikmati keselesaan kediaman PR1MA bersama keluarga. Ini termasuk menyediakan ketersambungan internet berkelajuan tinggi melalui PR1MA Communications Sdn Bhd (PCSB), menyediakan pengurusan aset dan kemudahan berkualiti melalui PR1MA Facilities Management Sdn. Bhd. (PFMSB), serta memudahkan pemberian perumahan bagi para pembeli.

**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

#### **Perspective Strategies**

Amiruddin Azran ([amiruddin.azran@perspective.com.my](mailto:amiruddin.azran@perspective.com.my) / +6011-11452867)

#### **PR1MA**

Khairul Faizi Dalail (khairul.faizi@pr1ma.my / +6013-7029740)